



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS PELANCARAN HEART AND HOMES:
AIDILFITRI CHARITY LAUNCH WITH SOMMNI AND PONEY**

TARIKH/ MASA/ LOKASI

**29 APRIL 2024 (ISNIN) / 2.00 PETANG
PONEY, IOI CITY MALL PUTRAJAYA**

Kemaskini: 28 April 2024

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan, Salam Malaysia MADANI

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN)

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat sama-sama berkumpul dalam majlis yang amat bermakna pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan atas jemputan ke **Majlis Hearts and Homes: Pelancaran Amal Aidilfitri Bersama SOMMNI dan PONEY** yang turut dihadiri **Encik Kevin Tan,**

CEO SOMMNI dan Puan Amanda Tan, Ketua Barang Dagangan PONEY Group serta hadirin yang diraikan.

(B) KERJASAMA SOMMNI DAN PONEY

Hadirin dan anak-anak yang dikasihi sekalian,

3. Sempena dengan perayaan Aidilfitri tahun ini, **SOMMNI dan PONEY** telah menjalinkan kerjasama dan **memperkenalkan satu barisan produk baharu khas** untuk memberikan keselesaan kepada anak-anak di bilik tidur mereka, iaitu ***SOMMNI Mattress & Sheets***.

4. Pelancaran untuk memperkenalkan produk baharu ini **menjadi lebih bermakna** dengan **kolaborasi bersama Yayasan Kebajikan Negara (YKN)** iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita (KPWKM), untuk menyalurkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan.

5. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak **SOMMNI dan PONEY** kerana bermurah hati untuk menyumbang sebanyak **100 unit tilam** yang dianggarkan bernilai **RM 35,000** kepada **6 buah rumah anak-anak yatim** yang berdaftar dengan

KPWKM bagi kegunaan penghuni agar mereka dapat tidur dengan lebih selesa.

6. Saya difahamkan jika semua perancangan dapat berjalan dengan lancar, insya-Allah anak-anak kita akan merasakan tilam-tilam baharu ini pada awal bulan Mei setelah selesai proses penghantaran dilakukan.

7. Hari ini juga merupakan hari yang istimewa bagi anak-anak kita, kerana selepas ini, anak-anak kita akan dibawa untuk **melawat kedai PONEY** dan diberi peluang untuk **memilih beberapa pakaian**

dan barangan yang mereka suka daripada koleksi PONEY untuk dibawa pulang dan dipakai oleh mereka.

8. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak **SOMMNI dan PONEY** atas kesudian bagi meraikan anak-anak kita dan atas kerjasama yang diberikan untuk menyumbang kembali kepada masyarakat.

9. Sememangnya, sumbangan ini amat bermakna dan akan memberi keceriaan kepada anak-anak kita. Kerjasama seperti ini

membuktikan bahawa kita semua boleh dan perlu memainkan peranan mengikut kapasiti masing-masing dalam memberikan impak yang signifikan kepada masyarakat, terutamanya kepada golongan yang memerlukan.

(C) PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Hadirin dan anak-anak yang dikasihi sekalian,

10. **Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat** terhadap kebajikan serta keperluan setiap golongan masyarakat di negara

ini. Antara perkara yang perlu diberi penekanan ialah membantu golongan yang memerlukan atau golongan yang susah, supaya mereka dapat **menjalani kehidupan yang selesa seperti yang lain** dalam memastikan hasrat murni Kerajaan dapat direalisasikan dengan jayanya.

11. Dalam konteks pembangunan masyarakat, kita **tidak boleh lupa akan tanggungjawab** untuk memastikan setiap individu, terutamanya golongan yang terpinggir mendapat akses kepada bantuan dan sokongan yang mereka perlukan.

12. Saya mengalu-alukan penglibatan para penyumbang daripada pihak korporat, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan untuk membantu mereka yang memerlukan.

13. Penglibatan para penyumbang melalui **platform tanggungjawab sosial korporat** dengan YKN membolehkan lebih ramai lagi golongan sasaran dapat dibantu dan sumbangan dapat diatur serta disalurkan secara terus (*direct*) dan sistematik kepada mereka.

(D) PENUTUP

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan **ribuan terima kasih dan tahniah kepada pihak SOMMNI dan PONEY**, serta puan-puan dan tuan-tuan sekalian kerana telah menjayakan program untuk anak-anak kita pada hari ini.

15. Saya berharap agar kita semua dapat terus menerapkan nilai semangat cinta akan negara, nilai-nilai murni dan kasih sayang dalam diri masing-masing bagi memastikan keharmonian dan kesejahteraan negara.

16. Di sini juga, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada anda semua.

***Harum semerbak bunga melati,
Jauh di mata dekat di hati;
Raya bersama Sommi dan Poney,
Adinda tersenyum berseri-seri.***

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

29 April 2024